



04 JAN, 2025

85 peratus tidak terjejas perubahan tarif elektrik

Sinar Harian, Malaysia



85 peratus tidak terjejas perubahan tarif elektrik



KUALA LUMPUR - Sebanyak 85 peratus atau 7.5 juta pemegang akaun domestik tidak akan terjejas dengan sebarang perubahan kadar tarif elektrik dan masih dilindungi kerajaan sehingga Jun 2025.

Ketua Pegawai Kewangan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Nazmi Othman berkata, kadar tarif semasa yang sudah diguna pakai sejak 2014 tidak akan memberi kesan signifikan kepada golongan rentan itu.